

MEDAN BAHASA

Soal Memodenkan Bahasa Melayu

Apa Kata Ahli-Ahli Bahasa Indonesia, dari Medan dan Jakarta

Tatkala terhebah berita bahawa beberapa orang pakar-pakar bahasa Indonesia akan dijemput ke Malaya bagi memodenkan bahasa Melayu, banyak sahabat-sahabat saya yang gembira mendengarnya, dan banyak juga yang hanya tersenyum simpul. Entah kerana mereka memandang bahasa Melayu sekarang sudah moden menurut bentuk Melayunya, entah kerana mereka menganggap bahasa Indonesia itu pula masih perlu diperkemaskan lagi, tak dapat saya mengagaknya.

(oleh Abdullah Basmeh)

Barangkali tulisan-tulisan yang saya turunkan di sini dari buah pena ahli-ahli bahasa Indonesia – Medan dan Jakarta – dapat kiranya memberi gambaran yang jelas tentang perkembangan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia hari ini.

Bahasa Melayu di Semenanjung sudah moden dan berisi, saya rasa tak ada siapa yang akan menyangkalnya. Bahkan Pak Madung Lubis – yang tak putus-putusnya mencuit kekurangan kita di Malaya pada serba-serbinya – telah mengakui kenyataan ini. Tetapi katanya – ada pula tetapinya – sungguhpun bahasa Melayu Malaya “sudah jauh lebih moden, tetapi mengenai mutu isinya” masih beliau mencari-cari dan belum berjumpa lagi, walaupun beliau telah mengikuti perkembangan bahasa dan kesusasteraan

Melayu selama sembilan bulan “dengan minat yang penuh”, baik melalui surat-surat khabar dan majalah-majalah Malaya atau pun dari ucapan-ucapan di radio. Jelasnya menurut penilaian beliau, apa yang telah ditulis dan diucapkan oleh pengarang-pengarang serta ahli-ahli bahasa dan kebudayaan kita selama ini: Tak ada apa bendanya, kosong, hampa layang.

Dengar sidang pembaca yang dihormati dan ketawalah sepuas-puasnya.

Kupasan beliau yang sangat menarik itu adalah seperti berikut:

“Sudah sembilan bulan lamanya dengan minat yang penuh saya mengikuti perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu dari dalam surat-surat khabar dan majalah-majalah Persekutuan Tanah Melayu. Dan Singapura serta menghirup inti

- sari ceramah-ceramah kebudayaan yang disampaikan oleh putera-putera Melayu melalui radio Malaya.

“Sudah sembilan bulan lamanya sejak terbit berita Kongres Bahasa Indonesia di Medan, saya kerana diminta – turut mencontengkan suara jiwa di dalam surat-surat khabar dan majalah-majalah di Singapura.

“Menurut pandangan saya belum lahir seorang Abdullah yang kedua di Semenanjung yang sebesar kaliber Abdullah. (maksudnya Munsyi Abdullah - P.)

“Betul bahasa surat khabar, majalah dan buku-buku yang sangat sedikit di seberang, sudah jauh lebih moden, tetapi mengenai mutu isinya saya masih mencari-cari, di mana kedapatan buku yang agak setaraf dengan itu.

“Sungguh Semenanjung Melaka (Tanah Melayu - P.) tidak maju dalam hal ini.

“Apakah ini terletak pada mutu pendidikan tentera seperti Melayu? Ini sudah pasti, terang seperti matahari. Malaya sangat jauh ketinggalan. Kesalahan tentu terletak pada si penjajah yang bertanggungjawab atas kemajuan bangsa yang dijajahnya”. (majalah “Belia” 2 Disember 1955).

Oleh kerana Pak Madung seorang ahli bahasa Indonesia, maka timbul pertanyaan di hati: Sudah sempurnakah, sudah lengkapkah bahasa Indonesia, tak ada kacau bilaunya yang patut diperbaiki maka Pak Madung nampaknya asyik bersenandung mengagung-agungkan hak sendiri dan mengecil-(ngecil)kan hak jiran tetangga?

Mengenangkan sikap beliau yang demikian, terpaksa saya menurunkan di sini suatu peristiwa yang agak pahit tetapi benar mengenai perkembangan bahasa Indonesia sekarang. Benar kata saya, kerana telah tersiar di dalam akhbar Indonesia dan ditulis oleh seorang guru Bahasa Indonesia di Jakarta.

“Bahasa Indonesia: Apa yang akan ditiru oleh Malaya?”

Demikian tajuk tulisan Tuan S. Shāffuddin (guru) di dalam akhbar “Pedoman” Jakarta bertarikh 17 November 1955. Kandungannya seperti berikut:

“Dari siaran radio Republik Indonesia sabtu malam yang lalu kita dengar, bahawa, Menteri Pengajaran Federasi Malaya oleh beberapa orang pembesar Kementerian P. P. K, kita, telah mengunjungi beberapa buah sekolah di Jakarta, dari sekolah rendah sampai pada fakultas (fakulti - P.), dengan maksud menyaksikan penggunaan bahasa Indonesia sebagai bahasa pengantar untuk macam-macam mata pelajaran.

“Untuk memberikan contoh yang sebaiknya kita harus insaf benar akan tanggungjawab kita dan berani mengadakan kecaman terhadap diri sendiri. Di Indonesia memang sejak permulaan, bahasa Indonesia menjadi bahasa rasmi dan bahasa pengantar dalam segala mata pelajaran. Akan tetapi bagaimana keadaan bahasa kita itu dan bagaimana perhatian kita terhadap bahasa kita sendiri itu adalah hal yang lain. Sikap orang Indonesia mempermudah dan merendahkan bahasa sendiri masih umum, bahkan masih juga nampak di kalangan pemerintah kita dan malahan juga di kalangan Kementerian P. P. K. (Kementerian Pendidikan, Pengajaran, dan Kebudayaan - P.), buktinya antara lain ialah bahawa di Kementerian P. P. K., di jawatan pengajaran (di Jabatan Pelajaran - P.), di inspeksi pusat dan daerah yang bernaung di bawah Jawa, pengajaran - apalagi jawatan kementerian lainnya - masih banyak sekali dipergunakan bahasa Belanda atau bahasa Inggeris, malahan di kalangan orang yang seharusnya memberi contoh yang baik. Di Kementerian P. P. K. mulai pencatat tamu, sampai pada para gadis Gontor *Secretary General* dan seluruh pegawai sekretariat menteri dan sekretarisnya, semuanya selalu dengan megahnya mempergunakan bahasa Belanda.

Apakah gerangan yang menjadi alasan mereka itu? Bolehkah ini dicontoh oleh Malaya?

“Di jawatan pengajaran, inspeksi bahasa Inggeris dibentuk lebih dahulu. Baru sesudah ada kritik dari luar dibentuk juga inspeksi bahasa Indonesia. Apa ini ertinya? Sekarang kita lihat inspeksi bahasa Indonesia itu. Katanya untuk mengawasi bahasa Indonesia sebagai mata pelajaran dan juga sebagai bahasa pengantar semua macam pelajaran yang lain, dari sekolah rendah sampai sekolah lanjutan atas, di seluruh negara kita Indonesia. Akan tetapi beberapa orang tenaga dikerahkan? Cuma satu orang sahaja. Satu orang buat beberapa ribu sekolah dengan gurunya yang berjumlah lebih dari 70,000 orang. Bagaimana bisa? Ini usaha yang bersungguh-sungguh atau hanya keduk (topeng - P.) saja?

“Didaftar buku-buku, tercantum berjenis-jenis buku pelajaran bahasa Indonesia, akan tetapi nyatanya di sekolah-sekolah sama sekali tidak ada satu macam buku saja yang cukup banyaknya, sehingga akibatnya guru dan murid menjadi bingung, apa lagi pada waktu ujian, kerana tidak dapat diketahui dari buku mana akan diambil. Bisakah contoh ini ditiru?

“Dikatakan bahawa tiap-tiap kelas dari tiap-tiap sekolah akan diberi buku perpustakaan bahasa Indonesia yang cukup dan yang terpilih! Apa nyatanya sesudah janji berulang-ulang itu? Nihil. Kapan (bila - P.) dipenuhi? Tidak tahu. Kami tanyakan kepada inspeksi bahasa Indonesia; jawabnya tidak tahu juga, malahan khabarnya wang buat membeli buku-buku yang harus (yang wajib - P.) dibaca lebih dulu belum juga diberikan? Bolehkah ini juga ditiru? Lebih menyakitkan hati orang yang sungguh-sungguh menghargai bahasa Indonesia kalau dibanding dengan keadaan bahasa Inggeris.

“Inspeksi bahasa Inggeris hampir semuanya lengkap: Tenaga, alat dan buku-buku. Inspeksi bahasa Inggeris berkali-kali bisa dan sudah mengadakan kursus macam-macam. Mengapa bahasa Indonesia tidak bisa? Ini harus juga ditiru oleh Malaya?

“Kongres bahasa Indonesia tahun yang lalu diadakan, dengan taraf *international*. Apa hasilnya? Nihil, sampai sekarang orang bungkam (membisu - P.)

“Kami tuliskan kenyataan semuanya di atas itu supaya khalayak ramai dapat bersama-sama memikirkan tentang nasib bahasa persatuan kita, apalagi kalau akan ditiru oleh negara lain. Kami ingin pemerintah mahu memerhatikan bahasa kita, adakanlah Aparat yang memadai”. (maksudnya alat-alat yang mencukupi - P.)

Demikianlah sedikit bayangan mengenai bahasa Indonesia menurut punca Indonesia sendiri. Begitu pula tentang kata-kata istilah masih kacau juga dalam bahasa Indonesia. Misalnya universiti, kita boleh tersua orang di sana menuliskannya dengan tiga macam; university, universitatt, dan universitas. Yang mana satu hendak dipegang? Dan masih banyak lain-lain perkara lagi, berlambak-lambak kalau mahu disebut.

Pendeknya, Pak Madung, tak boleh kata mengata. Kita, baik di Tanah Melayu atau di Indonesia sama-sama sedang menghadapi masalah-masalah bahasa yang sepatutnya diperbaiki dan diselesaikan terlebih dahulu sebelum memperbangga-banggakan apa yang telah dikerjakan.

Marilah kita membina bahasa persatuan ini menurut yang semestinya, menurut dasar kerjasama, ambil mengambil dan harga menghargai.

Dan inilah jua jalan yang tunggal yang akan membawa ke arah tercapainya cita-cita yang mulia itu.